

Production Around The World During Pandemic : “Produksi Teater Kami, Singapura”

MOHD SUHAIMIE KIPLI & MOHD ZHRIN IDHAM POSO

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Penulis: mohdsuhaimie39@gmail.com; zahrinmohd7@gmail.com

ABSTRACT

Pada bahagian pendahuluan, kajian akan mengenal pasti terlebih dahulu mengenai pandemik covid-19 iaitu penyakit yang ganjil yang datangnya dari Wuhan, China. Seterusnya, akan mengkaji secara lebih mendalam lagi persoalan disebalik pandemik covid-19 yang makin berleluasa dengan segala penyakit yang mengakibatkan beribu-ribu mahupun berjuta-juta manusia mati disebabkan virus ini iaitu Corona Virus. Kajian juga mengenal pasti bagaimana keadaan dan kehidupan manusia di seluruh dunia yang sedang bertarung melawan virus merbahaya iaitu Corona Virus atau lebih dikenali sebagai virus covid-19. Kajian menerangkan seberapa banyak juga kes yang telah meningkat di Malaysia kemudian disusuli kepada negara lain yang turut terjejas mahupun peningkatan kes yang secara mendadak. Kajian menjelaskan apakah tindakan yang disusuli oleh negara-negara lain. Kajian akan mengenalpasti siapakah golongan yang paling kerap mendapat penyakit daripada virus Covid-19 tersebut dan berapakah angka kes dari awal pandemik berlaku sehinggalah pada masa kini. Kajian juga semestinya mengkaji bagaimana teater berlangsung di seluruh dunia dan teater yang dipilih iaitu Teater Kami yang berada di Singapura yang berlangsung walaupun dalam pandemik yang sedang melanda dunia tersebut.

Pada bahagian metodologi kajian, kajian menggunakan pelbagai sumber yang ada bagi mendapatkan maklumat yang lebih mengenai teater di seluruh dunia dan juga teater yang dipilih iaitu Teater Kami yang berada di Singapura.

Pada bahagian result atau keputusan, kajian menjelaskan secara lebih terperinci mengenai apakah yang terjadi pada dunia semasa pandemik dan bagaimana teater diuruskan oleh satu produksi yang bernama Teater Kami Production. Pada bahagian perbincangan atau discussion, kajian akan membincangkan secara lebih mendalam mengenai masalah pandemik yang berlaku terhadap penggiat seni teater iaitu Teater Kami Production. Perbincangan yang dibuat secara lebih teliti demi memastikan apakah yang dilakukan oleh penggiat seni Teater Kami Production di Singapura. Kajian menerangkan bagaimana Teater Kami Production berjaya menghasilkan persembahan atau pementasan secara alam maya dengan berbekalkan benda-benda yang mereka ada serta tanpa mendapatkan tontonan daripada penonton secara bersemuka.

Pada bahagian kesimpulan pula, kajian akan menyimpulkan segala perkara yang berkaitan mengenai pandemik di seluruh negara berkaitan teater. Kajian juga menyimpulkan permasalahan berkaitan pandemik yang berlaku di dunia dan cara bagaimana pihak atasan serta pihak yang bertanggungjawab, masyarakat bersatu padu memerangi dan membendung pandemik Covid-19 mengikut cara setiap negara masing-masing. Perkara diperlihatkan dari sudut ekonomi iaitu bagaimana para perusahaan dan perniagaan menjalankan tanggungjawab sebagai penjual kepada orang ramai dan bagaimana menegendali ekonomi pada masa pandemik yang kian berlaku. Begitu juga dengan sosial, bagaimana cara orang lain berinteraksi dengan orang lain atau orang ramai bagi mendapatkan serta menghidupkan suasana sosial iaitu bersemuka seperti kehidupan biasa. Menerangkan secara menyeluruh bagaimana para penggiat seni teater berkarya and membuat pementasan secara alam maya.

Untuk bahagian pengetahuan atau acknowledgment, kajian menjelaskan secara lebih terperinci mengenai pengetahuan atau maklumat baru yang disampaikan. Kajian membincangkan dengan lebih mendalam mengenai apakah tindakan yang dilakukan oleh kerajaan menangani isu pandemik yang berlarutan dan membantu masyarakat agar rakyat berasa dikasihani oleh kerajaan.

Kata Kunci : Pandemik, Teater Kami Production, Covid 19

INTRODUCTION

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana produksi teater yang lain berjuang bagi meneruskan pementasan teater mereka. Pada era globalisasi ini, dunia dilanda wabak penyakit yang kita tidak nampak serta boleh membunuh seluruh umat manusia secara perlahan-lahan. Oleh hal demikian dunia hendaklah berjaga-jaga dalam melakukan sebarang aktiviti. Hal ini demikian kerana wabak ini telah merekodkan beratus ribu kes kematian. China hari ini melaporkan kes pertama COVID-19 dalam tempoh lebih sebulan di Wuhan, bandar di mana pertama kali wabak itu bermula pada bulan Disember tahun lalu. “Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan China juga melaporkan peningkatan dua angka pertama dalam kes itu di seluruh negara dalam tempoh hampir 10 hari, dengan menyatakan 14 jangkitan baharu telah disahkan. Dua daripada kes itu diimport ke negara itu dari luar negara, kata suruhanjaya itu. Virus itu pertama kali muncul di Wuhan, sebuah bandar industri dan pengangkutan utama di tengah China, pada bulan Disember.” Berita Harian (2020). Rentetan itu, China terus mengeluarkan perintah berkurung bagi membendung wabak ini dari menular. “Parti Komunis yang berkuasa di China mengenakan perintah berkurung kepada puluhan juta orang - pertama di Wuhan dan kemudian wilayah Hubei yang lain - mulai 23 Januari, menjadikan Wuhan sebagai tempat pertama di dunia yang dikenakan sekatan draconia.” Berita Harian (2020).

Rentetan itu, Malaysia telah merekodkan kes covid-19 pertama pada awal tahun 2020. “Rakyat Malaysia pertama berusia 41 tahun yang berasal dari Selangor disahkan positif jangkitan coronavirus baharu. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata lelaki terbabit mempunyai sejarah perjalanan ke Singapura, dari 16 hingga 22 Januari lalu bagi menghadiri mesyuarat bersama delegasi antarabangsa termasuk China. Lelaki berkenaan kemudian pulang ke Malaysia pada 23 Januari lalu, sebelum mendapatkan rawatan di pusat perubatan swasta di Selangor, enam hari berikutnya kerana demam dan batuk.” Berita Harian (2020). Oleh hal demikian, Perdana Menteri Malaysia telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan pada Mac 2020. “Untuk itu, Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan, mulai 18 Mac 2020, iaitu lusa hingga 31 Mac 2020, di seluruh negara. Perintah kawalan ini dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Perintah Kawalan Pergerakan ini meliputi; Pertama, larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Kata Tan Sri Muhyiddin Yassin pada perutusan beliau Mac, 2020” The Star (2020).

Sehubungan itu, perkara tersebut secara tak langsung telah memberhentikan seluruh industri hiburan untuk membuat pementasan secara bersemuka. Seperti yang kita tahu, teater merupakan satu pementasan yang memerlukan pelakon dan penonton dan pementasan itu hendaklah berlaku secara langsung dihadapan penonton. “Teater adalah tempat persembahan - persembahan kesenian yang dilakonan di hadapan penonton secara langsung menggunakan kombinasi pertuturan, gerak isyarat, muzik, tarian, bunyi dan sebagainya. Terdapat pelbagai jenis persembahan teater, antaranya ialah: opera, balet, pantomim dan wayang kulit.” (Educalingo 2021). Hal ini demikian telah memberi impak yang negatif kepada penggiat seni teater tanah air mahupun diluar negara. Oleh hal demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana produksi teater yang lain berjuang bagi meneruskan pementasan teater mereka. Produksi teater Teater Kami merupakan sebuah produksi yang turut terjejas namun covid-19 bukanlah penghalang bagi mereka untuk terus berkarya. Persoalannya, bagaimanakah mereka berusaha untuk terus berkarya dikala pandemik melanda.

MATERIALS & METHODS

Untuk metodologi, sumber yang digunakan ialah menerusi data primer dan sekunder. Untuk data primer saya menemu bual sendiri Pengurus Teater Kami iaitu Dalifah. Untuk data Sekunder kami mencari bahan rujukan daripada internet, keratan akhbar, artikel, majalah-majalah dan sumber yang boleh dipercayai sebagai bahan bukti kajian kami.

RESULT

Teater Kami Production merupakan sebuah produksi yang bertapak di Singapura. Produksi tersebut berdaftar dibawah naungan Singapore's Leading Malay Theater Company founded since 1989. Antara teater yang pernah dipentaskan oleh produksi ini ialah Naked 2020, Anak Melayu, Ngaco dan banyak lagi. Berikutan Pandemik yang melanda Teater Kami Production terpaksa berhenti seketika daripada bergiat langsung dalam seni persembahan teater di Singapura. Hal ini kerana peningkatan kes Covid-19 di Singapura yang merisaukan orang ramai.

Peningkatan kes yang meningkat mendadak yang berpunca daripada virus Corona. Virus yang melanda kepada dunia terutama sekali Singapura berlaku banyak pesakit yang dimasukkan ke hospital. Virus Corona tersebut menyerang pesakit tidak kira bangsa dan umur. Tetapi, secara majoritinya virus Corona menyerang mereka yang lebih tua iaitu golongan emas yang sudah lanjut usia mereka. Kebanyakan daripada golongan tua yang meninggal dunia kerana virus tersebut adalah kerana faktor usia yang sudah lanjut dan kerana mempunyai gejala penyakit yang lain mereka ada sebelum virus corona ini tersebar luas. Penyakit yang sedia ada dalam tubuh mereka iaitu golongan warga tua digauli dengan virus Corona yang menyebabkan mereka dahulu yang meninggal dunia. Akan tetapi, bukan mereka sahaja yang terkena dengan penyakit tersebut, tetapi warga asing yang datang dari luar negara juga turut terkena tempasnya dan mendapat sakit yang sama. Warga asing tersebut datang daripada pelbagai negara dan semestinya mereka yang pernah mempunyai kenalan rapat atau kontak mempunyai gejala Covid-19 pada tubuh badan mereka mahupun dalam badan mereka. Hal ini menyukarkan lagi orang ramai untuk bergerak keluar dan melakukan aktiviti fizikal seperti biasa. Sebagai contoh, beriadah di taman rumah, berjogging di taman atau di tepi jalan, berbasikal dan keluar membeli belah. Sebahagian sektor ekonomi ditutup sementara ekoran pandemik yang melarat. Hal ini kerana sebahagian sektor ekonomi adalah perniagaan dan perusahaan yang melibatkan penjualan secara bersemuka. Antaranya adalah pusat membeli belah yang menjadi tumpuan ramai untuk membeli barangan serbaneka, peralatan, pakaian atau pun sebaliknya. Begitu juga dengan kedai makan yang selalu ramai orang singgah bagi mengisi perut yang sedang kelaparan. Oleh sebab itu, adanya penghantar makanan sama ada Grab Food atau Food Panda ataupun sebaliknya. Penghantar makanan yang ada semestinya ada kebaikannya kepada orang ramai iaitu mengambil pesanan makanan orang ramai. Mereka akan menghantar makanan orang ramai yang menggunakan khidmat mereka.




Gambar rajah di atas menunjukkan penghantar makanan menghantar makanan kepada orang yang memesan makanan.




Gambar rajah di atas menunjukkan sekatan perjalanan di jalan raya bagi Perintah Kawalan Pergerakan.

Peningkatan kes semestinya membimbangkan ramai orang di sesuatu negara termasuklah di Singapura. Kes covid-19 tersebut yang meningkat naik di kaji dan diselidik secara lebih mendalam oleh Kementerian Kesihatan di seluruh negara termasuk Singapura juga. Kes yang meningkat naik diketahui oleh orang ramai dengan adanya statistik agar semua orang mengetahui maklumat terkini dan lebih berhati-hati dengan pandemik covid-19 yang menular dengan cepatnya. Keadaan lebih membimbangkan apabila kes meningkat tetapi orang ramai atau masyarakat tetap berdegil mahu keluar tanpa memikirkan keselamatan masing-masing serta tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dan diwajibkan bagi memastikan penularan wabak penyakit tidak terkena kepada diri sendiri mahupun terkena kepada orang lain. Akan tetapi juga, bukan sahaja mereka yang berdegil mahu keluar rumah yang mengakibatkan kes meningkat, tetapi mereka yang baru tiba dari suatu tempat, kawasan atau negara juga merupakan punca peningkatan kes. Hal ini kerana mereka terdedah daripada sekeliling mereka yang mempunyai virus seperti tempat duduk, bersalaman dengan orang lain dan terkena tempias bersin atau batuk orang lain. Berikut merupakan beberapa statistik kes peningkatan Covid-19.



Berdasarkan kes-kes yang disahkan dan dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan Singapura setiap hari.^[2]

Gambar rajah di atas menunjukkan statistik peningkatan kes covid-19 dari 20 Julai 2020 sehingga 3 Ogos 2020.



Gambar rajah menunjukkan statistik jumlah peningkatan kes dari hari ke hari.

Peningkatan kes covid-19 ini membataskan pergerakan orang ramai termasuk para penggiat seni teater. Hal ini kerana penggiat seni teater memerlukan aktiviti pergerakan dan fizikal serta untuk melakukannya adalah secara bersemuka. Perkara ini akan menghadkan justeru membatasi pergerakan para penggiat teater untuk terus berkecimpung di dalam dunia teater. Para penggiat teater di seluruh dunia sangat berasa sukar dengan kawalan pergerakan yang dilakukan. Para pelakon dan kru atau unit artistik sukar untuk membuat segala kerja atau tugas dengan baik kerana kekangan dan halangan yang dirasakan. Namun, tidak menjadi halangan kepada salah satu penggiat seni teater yang ada di Singapura iaitu Teater Kami Production. Penggiat seni Teater Kami Production membuat persembahan atau pementasan secara alam maya menggunakan apa sahaja bahan yang mereka ada iaitu persembahan secara alam maya. Mereka mencuba nasib melalui laman digital yang dilakukan secara alam maya asalkan mereka dapat berkarya dengan sepenuh jiwa mereka. Hal ini kerana kegiatan yang dahulunya mereka lakukan adalah persembahan atau pementasan secara bersemuka yang dilakukannya di hadapan pelakon dan berada di atas pentas. Namun pada kali ini, mereka tetap melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai Teatear Kami Production. .

DISCUSSION

Berdasarkan kes covid 19 yang melanda Singapura, Teater Kami Production mendapat masalah yang besar dimana mereka tidak dapat untuk membuat mana-mana pementasan Teater. Pada 30 Januari 2020 Teater Kami sempat mementaskan sebuah teater bertajuk Naked yang bertempat di Yale-NUS College pada jam 8 malam. Kemudian, Produksi tersebut ingin mementasan teater Tepok Amai-Amai Belalang Kupu-Kupu Arahkan Atin Amat yang di Jadualkan bertempat di Aliwal Arts Centre, Singapura pada 26-28 Mac 2020. Namun, pada 21 Mac Singapura telah dikejutkan dengan dua kematian pertama warga Singapura. “Pada 21 Mac, Singapura mengesahkan dua kematian pertama di negara itu melibatkan seorang wanita warga Singapura berusia 75 tahun dan seorang lelaki warga Indonesia berusia 64 tahun” Berita Mediacorp (2020). Tambahan pula, terdapat 73 lagi kes yang dilaporkan pada 25 Mac, dengan sebuah kelompok baru dikenalpasti di sebuah prasekolah Sparkletots kendalian Yayasan Masyarakat PAP (PCF) di Fengshan yang melibatkan 18 kes. Akibatnya, semua pusat PCF telah ditutup selama empat hari mulai 26 Mac” CNA International (2020). Rentetan itu, Pementasan Teater Tepuk Amai- Amai terpaksa di tangguhkan sehingga kesatu Tarikh yang akan diberi tahu kelak.

Dalam pada itu Produksi Teater Kami berusaha mencari cara untuk mementaskan sebuah teater dan berusaha untuk menjadikan sebuah teater untuk kekal relevan ketika covid 19 melanda. Teater Kami tampil dengan idea untuk mementaskan sebuah pementasan yang bertajuk Ngaco. “NGACO, yang mengisahkan tentang pergolakan sebuah keluarga Melayu dengan ibu dan anak juga berdepan dengan isu kesihatan mental, pernah dipentaskan pada 2014 sempena ulang tahun ke-25 Teater Kami di Blackbox, Pusat Drama.” Berita Harian (2020). Kali ini teater Ngaco kembali tetapi didalam bentuk digital. Persembahan digital dengan kerjasama Panggung Digital ini melambangkan

usaha berterusan Teater Kami menyajikan pementasan Melayu dalam situasi wabak Covid-19. Namun begitu, bukan mudah untuk mementaskan sebuah teater secara dalam talian. Pihak produksi perlulah mendapat kebenaran daripada pihak berwajib bagi meneruskan usaha menayangkan Ngaco secara digital. Sebagai makluman, teater Ngaco seharusnya di pentaskan pada 2019 namun berikutan dengan masalah yang dihadapi, Teater Kami perlu menangguhkan pementasan mereka. "Perancangan sudah dibuat sekitar pertengahan 2019. Kami merancang mementaskannya sekitar Julai tahun ini. Apabila keadaan pandemik tidak menunjukkan keadaan akan pulih, kami terpaksa menunda pementasan ini pada November. Namun, keadaan tidak banyak berubah. Kebanyakan syarikat seni telah menunda atau membatalkan pementasan yang dirancang." Kata Atin. Berita Harian (2020). Pihak Produksi kemudian segera menghubungi pihak Majlis Seni Kebangsaan (NAC) bagi mendapatkan kebenaran pementasan. Lalu, pihak NAC membenarkan pementasan namun hendaklah dengan Platform Digital. Menurut Atin "Setelah merujuk kepada NAC bagi membenarkan kami mementaskan NGACO dalam format digital, terfikir pula betapa pementasan ini dengan topik kesihatan mental sesuai disajikan dalam tempoh pandemik di mana perihai kesejahteraan minda sentiasa ditekankan. Justeru, setiap kejadian ada hikmahnya," Berita Harian (2020).

Pengarah Teater Ngaco Atin Amat berasa risau kerana beliau berasa takut akan terperangkap dalam persembahan persis drama televisyen. Beliau mahukan persembahan teater yang boleh dirasai oleh segenap pelusuk peminat Teater di Singapura. Atin Amat juga pertama kali membuat pementasan teater sebegini dan beliau mahukan tunjuk ajar dan bantuan dari pihak produksi. Menurut Atin Amat "Saya ibarat budak baru belajar. Kalau salah, tolong tunjukkan. Ia pengalaman baru yang saya tiba-tiba kena belajar dan ambil tahu. Saya tidak keberatan menerima teguran dari sudut digital." Berita Harian (2020).

Melalui teater Ngaco Atin Amat berharap teater tersebut dapat menyampaikan mesej kepada semua audiens. Menurut Atin "Melalui NGACO, saya harap masyarakat kita akan lebih peka dan berfikiran terbuka terhadap nasib mereka yang menghadapi masalah nyanyuk dan bipolar," Berita Harian (2020). Beliau ingin menggambarkan keadaan seseorang yang sakit, marah dan tertekan hingga berbual yang bukan-bukan. "Dalam mengharungi cabaran pandemik Covid-19, dua kumpulan teater setempat tampil dengan pementasan yang membentangkan isu relevan seperti kesihatan mental dan pemerdayaan wanita." Berita Harian (2020). Ngaco memaparkan kisah Rabiah, seorang janda dengan dua anak perempuan, yang mengalami kemurungan setelah suaminya meninggal dunia. Dia memiliki seorang anak sulungnya Rogayah, wanita berpendidikan tinggi dan kuat semangat, tertekan di tempat bertugas sehingga dirawat di Institut Kesihatan Mental dan seorang anak bongsu Rohana pula dibebani amanah sebagai pelajar dan urusan menaja ibunya.

CONCLUSION

Kesimpulannya, penularan penyakit atau virus Covid-19 mahupun virus Corona sangat menggemparkan seluruh dunia. Virus yang dibawa daripada negara China terus tersebar luas dan menjangkiti banyak orang dan pihak tertentu. Penularan penyakit merbahaya ini iaitu virus Corona memberi pelbagai implikasi atau kesan yang buruk terutamanya. Hal ini kerana segala aktiviti fizikal yang memerlukan pergerakan secara bebas telah pun terbatas ataupun diberhentikan sementara ataupun selamanya. Hal ini kerana perintah dari pihak atasan bagi membendung penularan wabak atau penyakit virus Corona. Perintah yang dilaksanakan bagi membendung penularan penyakit ini adalah PKP iaitu Perintah Kawalan Pergerakan. Perkara ini juga menyekat orang ramai daripada bergerak keluar dari rumah ke tempat atau kawasan yang lain. Bagi membendung penularan penyakit ini tersebar luar juga, orang ramai diwajibkan memakai topeng penutup mulut atau lebih dikenali sebagai face mask. Pelbagai cara yang dilaksanakan oleh pihak atasan dan berwajib bagi memastikan orang ramai sedar akan betapa pentingnya menjaga kesihatan dan tubuh badan agar tidak terjangkit dengan penyakit virus corona tersebut. Pelbagai cara dan inisiatif yang dilakukan bagi membendung penularan wabak penyakit yang semakin meningkat dari demi hari. Peningkatan kes semakin meningkat kerana sikap masyarakat berdegil yang tetap juga mahu membuat sebarang pergerakan dan keluar rumah serta daripada mereka yang tidak mematuhi SOP iaitu arahan yang telah di dilaksanakan bagi membendung masyarakat daripada terkena penyakit atau virus tersebut yang semakin hari demi hari. Orang ramai diwajibkan untuk memakai topeng penutup mulut atau face mask bagi mengelakkan daripada terkena jangkitan, lalu sentiasa memakai sanitizer bagi memastikan tangan sentiasa bersih dan terlindung daripada virus Corona yang mengancam dan memberi penyakit melalui sentuhan tidak kira apa yang di sentuh oleh orang lain.

ACKNOWLEDGEMENTS

Untuk pengakuan, Singapura mempunyai pelbagai idea dan tindakan yang sangat hebat semasa penularan wabak Covid-19. Penularan wabak Covid-19 yang dilihat menimbulkan kerisauan dalam kalangan masyarakat. Maka dari itu, setiap negara mengambil langkah tersendiri dan bertindak dengan pantas bagi menangani wabak itu agar tidak terus berlarutan dan mencemaskan masyarakat. Singapura mendapat pujian daripada pengamal perubatan dari seluruh dunia termasuklah Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu WHO.

Antara tindakan yang dilakukan oleh negara Singapura bagi memutuskan wabak pandemik terus berlarutan adalah apabila netizen, rakyat, masyarakat atau orang ramai berasa panic, kerajaan pantas bertindak. Hal ini kerana rakyat Singapura mula khuatir dan berasa bimbang tentang berita penularan wabak covid-19 di media sosial sehinggakan stok topeng muka di pasaraya semakin terhad dan cepat habis akibat pembelian panic atau lebih dikenali sebagai “panic buying”. Kerajaan yang menyedari perkara tersebut, mengagihkan empat keping topeng muka kepada kesemua isi rumah. Selain itu, komunikasi yang berkesan yang dibuat oleh kerajaan. Kerajaan Singapura mengambil tindakan secara lebih telus dan pantas. Status wabak sentiasa dikemas kini setiap hari untuk pengetahuan umum serta Perdana Menteri Singapura iaitu Lee Hsien Loong yang kelihatan tenang semasa membuat pengumuman kemas kini kes Covid-19. Kerajaan Singapura juga mengumumkan presiden dan menteri mengambil langkah dengan memotong gaji sebulan sebagai tanda solidariti dan menyumbang balik kepada masyarakat serta orang ramai di dalam negara Singapura tersebut. Justeru itu, Singapura juga melaksanakan aktiviti pengesanan kontak. Pihak berkuasa Singapura bersikap proaktif dalam melaksanakan pengesanan kontak atau Contact Tracing. Pendekatan yang digunakan Singapura dikelaskan sebagai piawaian emas iaitu gold standard dalam aktiviti pengesanan kontak rapat. Khidmat penghantaran makanan seperti Grab Food dan GoJek turut membantu dan bekerjasama dengan pihak kerajaan melalui rutin perkongsian data bagi mengesan individu yang berpotensi menghidap wabak Covid-19. Di samping itu, kerajaan mengadakan subsidi kesihatan untuk virus corona. Kerajaan Singapura telah menanggung beban yuran kesihatan yang berkaitan dengan virus corona untuk rakyat tempatan. Selain itu, sebanyak 600 klinik kesihatan awam telah mula beroperasi di bandar tersebut bagi menerima rawatan, penyiasatan atau perubatan yang disubsidikan oleh pihak kerajaan.

REFERENCES

- All PCF centres to close for 4 days after 14 employees, including principal, infected with COVID-19. (2020, March 26). Retrieved January 18, 2021, from CNA website: <https://www.channelnewsasia.com/news/singapore/pcf-centres-fengshan-covid-19-closed-principal-infected-12576090>
- COVID-19: Wuhan lapor jangkitan pertama dalam tempoh lebih sebulan. (2020, May 10). Retrieved from Berita Harian website: <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2020/05/687441/covid-19-wuhan-lapor-jangkitan-pertama-dalam-tempoh-lebih-sebulan>
- hermes. "Teater Usaha Terus Kekal Relevan Waktu Pandemi, Berita Gaya Hidup - BeritaHarian.Sg." *BeritaHarian*, 18 Nov. 2020, www.beritaharian.sg/gaya-hidup/teater-usaha-terus-kekal-relevan-waktu-pandemik. Accessed 18 Jan. 2021.
- Singapore reports 73 new COVID-19 cases, new cluster involving PCF Sparkletots centre linked to 18 cases. (2020, March 25). Retrieved January 18, 2021, from CNA website: <https://www.channelnewsasia.com/news/singapore/new-covid-19-cases-pcf-sparkletots-fengshan-mar-25-12574708>
- Tang, A. (2020, March 16). Malaysia announces movement control order after spike in Covid-19 cases (updated) | The Star Online. Retrieved from [www.thestar.com.my website: https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/16/malaysia-announces-restricted-movement-measure-after-spike-in-covid-19-cases](https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/16/malaysia-announces-restricted-movement-measure-after-spike-in-covid-19-cases)